

MIC: Hanya Subramaniam akan bertemu PM - Palanivel
Astro Awani
14 Februari 2015

AYER KEROH: Presiden MIC, Datuk Seri G Palanivel mengesahkan hanya timbalannya, Datuk Seri Dr S Subramaniam akan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak minggu depan berhubung perkembangan terkini krisis parti berkenaan.

Menurutnya, keputusan itu dilakukan kerana beliau sudah mengadakan pertemuan bersama Perdana Menteri baru-baru ini.

Palanivel turut sekali lagi menegaskan akan mengambil tindakan undang-undang kepada pendaftar pertubuhan (RoS) sekiranya pertubuhan itu gagal menarik balik surat-surat yang dihantar kepada MIC.

Terdahulu, krisis dalaman MIC tercetus selepas RoS membatalkan pemilihan bagi jawatan tiga naib presiden dan 23 anggota jawatankuasa kerja pusat dalam perhimpunan agung MIC di Melaka pada November 2013.

“Bukan, saya sudah jumpa PM beberapa kali dulu... Rabu pun saya sudah jumpa dengan kumpulan kita.

“Saya sudah buat keputusan, kalau dia (RoS) tak mahu terima keputusan saya, saya akan ambil tindakan mahkamah,” kata Palanivel kepada pemberita.

Beliau berkata demikian kepada media semasa mengadakan pertemuan dengan seluruh ahli MIC peringkat negeri Melaka di Hotel Kobemas, petang tadi.

Terdahulu, beliau yang sudah bertemu dengan seluruh ahli pergerakan parti itu di Johor, Negeri Sembilan dan Melaka akan meneruskan pertemuan bersama ahli di Pulau Pinang, Perlis dan Kedah selepas perayaan Tahun Baru Cina.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mic-hanya-subramaniam-akan-bertemu-pm-palanivel-53949>